

SIARAN MEDIA

BANK RAKYAT SAMBUNG TEMPOH MORATORIUM BAGI PELANGGAN YANG LAYAK

Kuala Lumpur, 29 September 2020 – Bank Rakyat sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menggesa golongan usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang merupakan pelanggan Bank berkenaan untuk segera memberi maklum balas menjelang minggu terakhir pelaksanaan moratorium automatik yang akan tamat pada 30 September 2020 sekiranya memerlukan bantuan pembayaran pembiayaan.

Menteri MEDAC, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, respons daripada pelanggan penting bagi memastikan proses peralihan semasa tempoh moratorium tamat berjalan dengan lancar agar tidak mengganggu operasi perniagaan mereka kelak.

Menurut Bank Rakyat, sehingga kini sebanyak 160,000 pelanggan individu dan usahawan telah dihubungi oleh pihak mereka berhubung perkara ini.

Komited dengan mandat untuk membangunkan golongan usahawan dan PKS, Bank Rakyat menawarkan bantuan bersasar untuk individu terkesan yang bekerja sendiri atau golongan PKS.

Bank Rakyat turut menawarkan beberapa inisiatif seperti mempercepatkan tempoh proses permohonan untuk membantu usahawan yang terjejas akibat COVID-19 dan kemudahan bantuan khas (SRF).

Selain itu, Bank Rakyat juga masih meneruskan kempen BizCare bagi usahawan serta

BizLady untuk usahawan wanita dengan peruntukan kemudahan pembiayaan bernilai RM300 juta. Kempen yang bermatlamat untuk membantu melonjakkan semula pertumbuhan ekonomi negara ini ditawarkan sehingga 31 Disember 2020.

Bagi pelanggan yang berhasrat untuk memohon bantuan bersasar, mereka boleh berbuat demikian menerusi salah satu saluran komunikasi Bank iaitu e-mel ke bankrakyatnr@bankrakyat.com.my dengan menyertakan sekali nama penuh, nombor kad pengenalan dan nombor telefon bimbit untuk dihubungi, mengunjungi cawangan Bank yang berdekatan atau hubungi Pusat Panggilan di talian 1300800800.

Pelanggan individu dan usahawan juga boleh mengunjungi Hari Terbuka Bank Rakyat di 17 cawangan seluruh negara pada 26 September bagi mendapatkan rundingan perancangan kewangan pasca moratorium.

Pelanggan disaran untuk melayari laman web korporat di www.bankrakyat.com.my atau laman media sosial rasmi Bank Rakyat, @mybankrakyat (Facebook, Instagram dan Twitter) untuk sebarang maklumat lanjut.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI